



كوفراسي كساتوان كوروملايو ملايسيا باريت برهد

KOPERASI KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT BERHAD

Bangunan KGMMB, No. 720, Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-40411723/25, Fax: 03-40411730

E-mel : admin@kopkgmmmb.com.my / Laman Web: www.kopkgmmmb.com.my

Rujukan : SU/MAPT/0172 /2018/Notis/nza/(01)
Tarikh : 27 Jun 2018 (13 Syawal 1439H)

**Kepada,
Semua Perwakilan
Koperasi KGMMB Berhad**

Assalamualaikum,

Tuan/puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KGMMB BERHAD KALI KE-21 (2018)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KGMMB Berhad kali ke-21 (2018) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat berikut;

Tarikh : 14 Julai 2018 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Klana Beach Resort Port Dickson
(Mains Hotel Sdn Bhd)
Kompleks Baitul Hilal, Lot 4506
Batu 8 Jalan Pantai
71050 Port Dickson, N. Sembilan

Pendaftaran : 13 Julai 2018 (Jumaat)
Masa : 2.00 – 6.00 petang
Tempat : Klana Beach Resort Port Dickson
(Mains Hotel Sdn Bhd)
Kompleks Baitul Hilal, Lot 4506
Batu 8 Jalan Pantai
71050 Port Dickson, N. Sembilan

Pakaian : Baju Batik untuk Majlis Perasmian & Mesyuarat Agung (Lelaki)
Baju Kurung (Perempuan)

3. Untuk makluman, **Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam** akan diadakan pada **13 Julai 2018 (Jumaat)** pada **jam 8.00 malam**. Tuan/puan adalah dijemput hadir.

4. Bersama-sama ini disertakan Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan Koperasi untuk rujukan. Tuan/puan adalah dikehendaki membawa bersama-sama buku laporan ini semasa menghadiri mesyuarat tersebut. Koperasi tidak akan menyediakan buku berkenaan semasa mesyuarat diadakan. Jika ada usul daripada perwakilan hendaklah disampaikan kepada Setiausaha selewat-lewatnya pada 6 Julai 2018, jam 12.00 tengah hari secara bertulis melalui pos atau telefaks.

5. Tuntutan perjalanan hanya dibayar untuk sebuah kereta setiap 3 - 4 orang perwakilan. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan dinasihatkan berkongsi kereta dengan perwakilan lain. Mohon kerjasama Pengerusi Kawasan untuk menyelaraskan perjalanan perwakilan kawasan masing-masing.

6. Sila maklumkan kehadiran tuan/puan dengan kadar segera bagi memudahkan tempahan tempat penginapan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih. Wassalam.

"WACANA MELESTARIKAN PERJUANGAN GURU-GURU MELAYU"

'HIDUP BERBAKTI'

Yang berkhidmat,



(CIKGU AHMAD NAWAWI BIN SHAARI)
Setiausaha

SK : 1. *Pengerusi Koperasi KGMMB Bhd*
2. *Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan*
3. *Suruhanjaya Koperasi Malaysia Ibu Pejabat*

Nota:

Penginapan hanya disediakan untuk perwakilan sahaja. Mana-mana perwakilan yang membawa keluarga, pihak kami tidak menguruskannya dan menjadi tanggungjawab sendiri.